

Ulama Banjar ditauliah ajar di Masjidil Haram, buat fatwa

Oleh HJ SULAIMAN JEEM
Penulis khas

SYEKH Muhammad Arsyad terpaksa meninggalkan segalanya, termasuk isterinya yang dikasihi yang sedang berbadan dua, demi memenuhi cita-citanya. Tinggallah si suami di sebuah rumah di kampung Syamiyah yang disediakan atas biaya sultan.

Kecerdasan minda memang wujud pada anak Banjar ini. Justeru itu beliau mampu menguasai bahasa Arab dengan sempurna hanya lima tahun sahaja duduk di Makkah, di samping ilmu-ilmu lain yang dipelajarinya.

Demi memenuhi minatnya yang tinggi dalam menuntut ilmu, beliau terlupa pulang ke tanahair meskipun telah bergelar alim. Beliau menyempurnakan diri dengan mempelajari ilmu tasawuf dan tarekat hingga berjaya meraih gelaran khalifah. Di samping itu beliau ditauliahkan mengajar di Masjidil Haram dan mengeluarkan fatwa-fatwa agama.

Muhammad Arsyad sebenarnya merasakan apa yang pernah dicetuskan Imam Syafie: "Kian bertambah ilmuku, makin terasa kebodohanku."

Dalam hubungan ini, meskipun beliau telah menguasai dengan mendalam pelbagai cabang ilmu, namun beliau terleka untuk pulang dan terus belajar sebagaimana yang dicita-citakan olehnya.

Zaman beredar. Pemerintahan bertukar. Kerajaan Banjar digantikan oleh sultan lain. Baginda memberitahu Syekh Muhammad

Arsyad bahawa anak perempuannya yang ditinggalkan di Banjar kini telah berusia 30 tahun dan sudah sepatutnya dinikahkan.

Pengumuman itu menarik minat orang ramai, termasuk ramai pelajar yang menuntut bersama orang alim itu di Makkah. Mereka ingin meminang anaknya yang bernama Syarifah itu.

Bagaimanapun, pinangan seorang pelajar dari Sulawesi Selatan, Abdul Wahab, menjadi pilihannya. Si ayah pun menikahkan anaknya itu di Banjar dengan Abdul Wahab yang berada di Makkah.

Menurutnya, pernikahan seperti ini memang boleh dilakukan kerana Syekh Muhammad Arsyad sebagai wali mujbir boleh menikahkan anak gadisnya walaupun tanpa pengetahuan si anak itu.

Pada Ramadan tahun 1186, Syekh Muhammad Arsyad sampai di kampungnya di Banjarmasin bersama menantunya. Mereka disambut meriah oleh Sultan Tahmidullah II bin Sultan Tahmidullah I yang memerintah Banjarmasin ketika itu.

Dilihatnya banyak perubahan telah berlaku di negaranya. Ramai pula wajah-wajah lama tiada lagi di istana sejak ditinggalkan. Dalam keseronokannya melihat perubahan itu, tercetus kekecohan yang memeranjatkan di istana. Ia berpunca daripada anak gadis Syekh Muhammad Arsyad yang telah dinikahkan dengan Abdul Wahab. Syarifah sebenarnya telah bernikah dengan seseorang bernama Usman di Banjar. Sultan bertindak sebagai wali hakim.

Syarifah kini serba salah. Kedua-dua suami yang sah

pernikahannya itu hadir di istana. Kedua-duanya adalah suami Syarifah. Bolehkah seorang isteri mempunyai dua orang suami dalam suatu masa?

Sebagai seorang alim dalam ilmu fikah, Syekh Arsyad membuat kajian. Beliau meneliti perbezaan masa antara negaranya Banjarmasin dengan Makkah. Dari kajian itu ternyata pernikahan yang dilakukan di Makkah itu lebih dulu berlaku beberapa jam dari yang dilakukan di Banjarmasin.

ARAH KIBLAT

Dengan itu Abdul Wahab sah menjadi suami Syarifah. Hubungan Syarifah dengan Usman difasakhkan. Bagaimanapun, semasa dengan suaminya Usman, Syarifah melahirkan seorang anak lelaki bernama Muhammad Asas, sementara dengan Abdul Wahab dia melahirkan anak perempuan bernama Fatimah.

Apabila besar, kedua-dua cucu Syekh Muhammad Arsyad terkenal sebagai orang alim, salih dan pendakwah agung.

Diceritakan Syekh Muhammad Arsyad pulang ke tanahairnya melalui pelabuhan Jeddah setelah berada di Makkah selama 30 tahun. Dengan menaiki perahu layar dan mengharungi lautan bergelora perahu itu akhirnya sampai di pelabuhan Pulau Pinang.

Ikut sama dalam perahu itu ialah Syekh Daud bin Abdullah Al-Fatani, Syekh Abdussamad Palembang dan menantunya Abdul Wahab.

Setibanya di Pulau Pinang, para ulama itu menuju Kedah, Perak, Singapura dan kemudian ke Betawi

(Jakarta). Mereka tidak terus pulang ke Banjar, tetapi menghabiskan masa selama berpuluh hari di Betawi dan Tanah Jawa untuk menziarahi para ulama dan kenalan mereka.

Rombongan itu pada suatu hari bersolat Jumaat di Masjid Sawah Jembatan Lima di Betawi. Syekh Muhammad Arsyad dan rakan-rakannya mendapati arah kiblat masjid itu terpesong sedikit dari kiblat sebenarnya.

Mereka kemudian bersolat tahiyat masjid dengan memesongkan sedikit arah kiblatnya. Langkah ini menimbulkan kekecohan ramai jemaah yang melihatnya. Apa lagi mereka yang melakukannya itu orang-orang asing bagi para jemaah tadi.

"Mengapa arah kiblatnya dipesongkan?" tanya beberapa orang jemaah.

"Arah kiblatnya kurang tepat," jelas Syekh Muhammad Arsyad.

Sedikit keributan berlaku sebaik-baik saja mendengar penjelasan itu. Apalagi arah kiblat itu telah mereka gunakan turun-temurun.

Para jemaah menganggap Syekh Muhammad Arsyad dan rakan-rakannya kurang memahami keadaan tempat itu.

Syekh Arsyad berdiri di hadapan para jemaah sambil menunjukkan arah kiblat dengan tangannya lurus ke hadapan. Tiba-tiba para jemaah melihat Kaabah tepat lurus di hujung tangan Syekh Muhammad Arsyad.

Keadaan kemudian menjadi tenang semula. Para jemaah yakin bahawa apa yang ditunjukkan Syekh Muhammad Arsyad itu adalah benar.